

Bil. 35

**Selasa
8 Oktober 2019**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Sekolah Sukan Malaysia Perlis

Kementerian Pendidikan Malaysia:

- (i) YBhg Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas,
Ketua Setiausaha

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 8 OKTOBER 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Sharifah Rahamah binti Syed Muhammad [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Inovasi), Parlimen Malaysia]
Cik Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II (Jurubahasa dan Terjemahan) Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Bahagian Audit Prestasi II, Sektor Audit Prestasi]
Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria [Pengarah Bahagian Susulan Audit, Sektor Audit Prestasi]
Puan Aminah binti Ali [Timbalan Pengarah Bahagian Teknikal, Sektor Audit Prestasi]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Audit Negara** (*samb/-*)

Puan Carolina Muyang Lileng [Timbalan Pengarah Bahagian Audit Prestasi II (Cawangan Audit Kementerian Pendidikan)]

Encik Nizam Amri bin Ibrahim [Penolong Pengarah Bahagian Teknikal, Sektor Audit Prestasi]

Encik Muhammad Syazwan bin Ramli [Penolong Pengarah Bahagian Audit Prestasi II (Cawangan Audit Kementerian Pendidikan)]

Puan Siti binti Alias [Penolong Juruaudit Bahagian Audit Prestasi II (Cawangan Audit Kementerian Pendidikan)]

Puan Faizah binti Abdullah [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Susulan Audit, Sektor Audit Prestasi]

Kementerian Kewangan

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kabinet]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

Jabatan Peguam Negara

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat]

Puan Maarbalqish binti Maaroff [Peguam Kanan Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Datuk Abd. Aziz bin Aban [Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Ilyani binti Md. Razak [Ketua Penolong Pengarah (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Perakaunan Persekutuan)]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Dr. Maziah Che Yusoff [Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pendidikan**

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas [Ketua Setiausaha]

Dato' Azizan bin Mohamad Sidin [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman [Setiausaha Bahagian Pembangunan]

Encik Mohamed bin Abdul Rahman [Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (Cawangan Pembangunan Pendidikan)]

samb/

SAKSI-SAKSI (samb/-)**Kementerian Pendidikan (samb/-)**

Encik Mohd Fareed Lim bin Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian I (Cawangan Pembangunan Pendidikan)]

Encik Hadzeri bin Hashim [Timbalan Setiausaha Bahagian (Cawangan Pembangunan (Teknikal) Pendidikan)]

Puan Annie @ Sabrina binti Lasumin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Menengah), Bahagian Pembangunan]

Puan Alice a/k John Gending [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Juruukur Bahan), Bahagian Pembangunan]

Encik Zainal bin Abas [Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian]

Encik Zaid bin Zakaria [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian]

Puan Noramilia binti Mohd Saad [Peguam Kanan Persekutuan (Unit Undang-undang)]

Puan Nor Azian binti Nordin [Ketua Unit Audit Dalam]

Puan Nor Azuwa binti Abd Rashid [Juruukur Bahan (Seksyen Juruukur Bahan), Bahagian Pembangunan]

Ir. Dzarif bin Yaacob [Mantan Timbalan Setiausaha Bahagian (Teknikal), Bahagian Pembangunan]

Ir. Azman bin Zakariah [Mantan Ketua Penolong Setiausaha (CS)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Selasa, 8 Oktober 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.08 pagi

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, selamat sejahtera saya ucapkan kepada semua yang hadir. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Naib Pengerusi PAC Parlimen. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC Parlimen. Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah selaku Setiausaha PAC Parlimen merangkap Setiausaha Dewan Rakyat. Ex-officio PAC Parlimen yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang hadir dalam mesyuarat prosiding PAC Parlimen pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua dan ahli mesyuarat sekalian, saya hendak memberi secara ringkasnya maklumat bahawa hari ini PAC Parlimen akan mengadakan mesyuarat prosiding bagi tajuk Pengurusan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1.

■1110

Jadinya, sebelum itu, izinkan saya untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa ini berhubung beberapa perkara yang menyentuh mengenai pentadbiran PAC Parlimen. Pertamanya, saya percaya semua Ahli Yang Berhormat sudah menerima senarai mesyuarat PAC Parlimen sepanjang bulan Oktober ini. Kita akan mengadakan tujuh mesyuarat dengan lima mesyuarat adalah membabitkan prosiding, manakala dua mesyuarat adalah penyiapan laporan PAC Parlimen ataupun *housekeeping*.

Jadinya, selain daripada itu, Sekretariat PAC Parlimen juga akan menyediakan draf laporan PAC Parlimen berhubung maklum balas Kementerian Kewangan terhadap syor-syor laporan PAC Parlimen berkaitan pengurusan projek pembangunan semula kemudahan sedia ada di Kompleks Sukan Bukit Jalil dan pengurusan marina awam. Ini sebab yang dahulu kita bentangkan adalah laporan prosiding kita. Walau bagaimanapun, kita telah mendapat maklum

balas daripada kementerian dan tanggungjawab kita untuk membuat laporan mengenai maklum balas daripada Kementerian Kewangan dan kita akan serahkan atau *table*-kan dalam Parlimen.

Untuk makluman semua juga, MOF sudah membentangkan maklum balas untuk kedua-dua laporan PAC ini pada 16 Julai. Ini sebenarnya adalah kali pertama PAC Parlimen akan membentangkan laporan jawatankuasa ini terhadap maklum balas MOF terhadap syor-syor PAC Parlimen di Parlimen.

Sekretariat PAC Parlimen juga sudah selesai menyiapkan laporan PAC Parlimen berhubung kerugian pelaburan Khazanah Nasional Berhad selepas kita mengadakan mesyuarat *housekeeping* berhubung isu ini pada 19 Ogos 2019 dan kita akan mengadakan mesyuarat verifikasi bagi melihat semula laporan ini sebelum ia dibentangkan kepada Parlimen. Ini adalah satu prosedur yang kita sentiasa buat. Kita akan pastikan mesyuarat ini juga yang akan mengesahkan sebelum kita bentang di dalam Parlimen. Semua laporan ini akan dibentangkan di dalam mesyuarat *housekeeping* pada Khamis hadapan.

Selain itu, saya juga ingin memaklumkan mengenai perkembangan prosiding penjualan tanah milik DBKL selepas mesyuarat prosiding terakhir mengenai isu ini yang diadakan pada 20 Ogos 2019. Ahli-ahli PAC Parlimen membuat keputusan mengenai prosiding ini supaya Jabatan Audit Negara mengadakan pengauditan khas terhadap Yayasan Wilayah Persekutuan. Saya selaku Pengerusi PAC telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan pada akhir bulan Ogos yang lalu dan pada 27 September yang lepas, saya menerima surat daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi melalui— SUS atau SUSK? Surat yang di-*address*-kan kepada saya.

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]: Setiausaha Bahagian Komunikasi.

Tuan Pengerusi: Setiausaha Bahagian Komunikasi yang di-*cc*-kan kepada SUSK yang menyatakan persetujuan bagi Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan khas terhadap YWP (Yayasan Wilayah Persekutuan) ini.

Jadinya, lanjutan daripada itu, apa yang saya akan buat, saya akan menulis surat kepada Yang Berbahagia Ketua Audit Negara. Saya sudah tandatangan, saya pun sudah menulis surat kepada Yang Berbahagia Ketua Audit Negara semalam untuk memaklumkan mengenai persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai perkara ini dan memohon supaya pengauditan khas terhadap yayasan ini dibentangkan kepada PAC Parlimen dalam tempoh dua bulan. [*Ketawa*] Tidak mengapalah. Saya gembira kerana melihat Tuan Haji Khalid senyum bila saya menyatakan bahawa pengauditan itu mesti kita bentangkan semula di dalam PAC dalam masa dua bulan.

Jadinya Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, jadinya berhubung prosiding selepas ini iaitu pengurusan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis pada hari ini, sebelum saya serahkan kepada Tuan Haji Khalid dari Jabatan Audit Negara, izinkan saya memberikan sedikit latar belakang mengenai tajuk ini.

Pembinaan SSM Perlis ini diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pada 6 April 2007 dengan siling peruntukan berjumlah RM76.60 juta. Walau bagaimanapun, projek ini hanya dapat dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh selepas kerajaan melaksanakan perolehan tanah seluas 26.71 hektar di Bukit Chabang, Titi Tinggi, Perlis.

Berdasarkan kontrak asal yang dimeterai pada 26 Jun 2013 di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan syarikat bernombor pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia 205536-U, tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 18 bulan iaitu mulai 1 Februari 2013 hingga 1 Ogos 2014 dan dilanjutkan sehingga 18 November 2014 melalui kelulusan lanjutan masa. Walau bagaimanapun, peratusan kemajuan projek pada tarikh sepatutnya siap iaitu pada 18 November 2014 hanya 46 peratus. Projek ini telah dikategorikan sebagai projek sakit melalui mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit dan kontrak ditamatkan pada 14 November 2014.

Pada 11 Januari 2018, KPM atas arahan Kementerian Kewangan telah melantik semula syarikat 205536-U yang juga kontraktor asal untuk menyiapkan projek terbengkalai Fasa 1 dengan Setiausaha Bahagian BPP sebagai SO. Jabatan Audit Negara dalam rumusannya terhadap pengurusan projek pembinaan SSM Perlis berpendapat bahawa projek ini tidak dilaksanakan dengan cekap dan berhemat terutamanya membabitkan pelantikan kontraktor asal selain pelantikan semula kontraktor asal sebagai kontraktor penyiap yang menjadi punca utama kegagalan projek. Ini menyebabkan objektif projek yang ditetapkan tidak tercapai. Setakat 31 Disember 2018, kemajuan kerja penyiapan projek oleh kontraktor penyiap hanya 4.5 peratus berbanding 36 peratus yang dijadualkan iaitu kelewatannya hampir 230 hari. Status kemajuan projek setakat 17 April 2019 adalah 4.86 peratus berbanding 56 peratus.

Jadinya, nanti akan hadir di hadapan PAC Parlimen sebentar lagi adalah Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas iaitu Ketua Setiausaha KPM, Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin iaitu Timbalan KSU Pembangunan KPM, Encik Noor Azman bin Abdul Rahman iaitu Setiausaha Bahagian Pembangunan KPM serta barisan pengurusan kanan KPM.

Jadinya, tanpa membuang masa, sebelum kita panggil mereka untuk berada di hadapan kita, saya ingin menjemput Tuan Haji Khalid Khan selaku Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) untuk memberikan status terkini mengenai isu ini termasuk laporan daripada Paparan Ketua Audit Negara ataupun *AG Dashboard*. Jadinya, terima kasih banyak kepada semua dan saya silakan Tuan Haji untuk memberikan taklimat kepada kita. Dipersilakan. Terima kasih.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]:

Terima kasih Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad, juga Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh iaitu Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah iaitu Setiausaha Dewan Rakyat, seterusnya wakil-wakil daripada AGC dan juga Kementerian Kewangan.

Saya akan memberi sedikit taklimat mengenai penemuan audit terhadap kajian yang telah kita jalankan iaitu atas tajuk Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis. Saya rasa maklumat latarnya banyak telah disebutkan oleh Tuan Pengerusi tadi. Jadi, saya akan *skip that part* dan terus kepada isu dia.

Firstly, I think kita punya objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada projek SSM Perlis dilaksanakan dengan cekap, berhemat, berkesan bagi mencapai objektif projek iaitu menyediakan kemudahan infrastruktur pendidikan dan latihan sukan untuk melahirkan lebih ramai pelajar atlet.

Jadi dalam pengauditan ini, seperti biasa, metodologinya adalah melalui semakan dokumen, analisis rekod dan juga status-status *report* dalam pelaksanaan. Dua bidang utama pengauditan adalah, satu, prestasi iaitu pencapaian *output*— kita akan huraikan nanti— dan pencapaian *outcome, which is very obvious outcome* dia. Kedua, pengurusan projek dari segi pencapaian kewangan, perancangan projek, pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, pelaksanaan projek dan pemantauan.

■1120

Itu adalah merupakan dua bidang, *key audit area* dalam pengauditan ini. Secara sepintas lalu— *can we show the slide on the table, please? These are the components* ataupun elemen-elemen dalam projek ini seperti dirancang pada asalnya... [*Merujuk kepada slaid pembentangan*] iaitu tadi Tuan Pengerusi ada *mention costing about RM30 million over. The two phases actually* kalau merangkumi kedua-dua fasa, RM70 juta lebih tetapi *for the first phase* adalah *RM34 million*.

Now, apa yang di-*cover* di bawah projek ini adalah seperti— *please, the slide before*. Okey, ini merupakan komponen projek ya. Dirancang untuk Fasa 1 adalah seperti ditunjukkan dalam jadual tersebut. [*Merujuk kepada slaid pembentangan*]

Okey, *next*. Dari segi pelaksanaan projeknya, ini melalui konvensional projek di mana perunding dilantik oleh kerajaan, SO nya adalah KSU. Pada Fasa 1 adalah KSU KPM dan pelantikan kontraktor— *now, that is the main issue*. Pertama adalah dari segi *procurement aspect* ya di mana kita lihat dalam kes ini di mana pada asalnya KPM telah mencadangkan tujuh nama kontraktor *to be considered for tender* terhad dan MoF *instead suggested another 10* nama.

Puan Carolina Muyang Lileng [Timbalan Pengarah Audit Bahagian Audit Prestasi II (Cawangan Audit Kementerian Pendidikan), Jabatan Audit Negara]: *Seven.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tujuh nama ya.

Puan Carolina Muyang Lileng: Tujuh nama.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tujuh nama *and* nama-nama tersebut adalah cadangan daripada kontraktor salah sebuah syarikat. Jadi...

Tuan Pengerusi: Ulang balik. Minta maaf, Tuan Haji. Ulang balik. Maksudnya daripada mula KPM memberi cadangan tujuh nama...

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Sepuluh, sepuluh.

Tuan Pengerusi: Sepuluh nama.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Sepuluh syarikat. Syarikat ini telah— *I mean* dari segi kriterianya memenuhkan CIDB *registration*, dari segi *you know* dia punya *experience* dan sebagainya boleh di-*considered*. *But it was submitted to MoF* dan *at the same time* KPM meminta supaya dilakukan secara tender terhadap *which in the first place* KPM tidak setuju dengan tender terhadap, dia hendak tender terbuka. Tetapi apabila cadangan tersebut *di-present to MoF, MoF decided, okay, they agreed with* tender terhadap tetapi dengan tujuh nama syarikat yang lain di mana nama-nama syarikat ini adalah atas cadangan sebuah syarikat. Nama kita adalah *the detail, we have*, cadangan sebuah syarikat.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: *Sorry.* Cadangan sebuah syarikat itu adalah antara 10 syarikat yang dinamakan?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *No.*

Tuan Wong Kah Woh: *No.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Antara *the seven*.

Tuan Wong Kah Woh: Okey.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Seven from MoF. Entirely...*

Tuan Wong Kah Woh: *Seven from MoF* tetapi dia satu syarikat cadang tujuh syarikat untuk masuk tender?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya. *Entirely a new list*, Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh: Okey.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *It's outside from the 10* yang KPM cadangkan.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. *So*, yang tujuh ini *entirely new list* dan kenapa *at the first place* KPM dia hendak tender terhadap? Sebab tadi kata KPM pada mulanya hendak tender terbuka.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *No, MoF.*

Tuan Wong Kah Woh: *MoF yang hendak tender terhad?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Yes, yes.*

Tuan Wong Kah Woh: *Okey, okey.*

Tuan Pengerusi: *Okey, correct me if I am...*

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: *Ada mana-mana minit tidak?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Ada. All in our working paper file.*

Tuan Pengerusi: *Okey. Bermaksud ada 10 mula-mula dan KPM minta supaya diadakan tender terbuka.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Ya.*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Tender terhad.*

Tuan Pengerusi: *No. KPM. KPM dulu. KPM. KPM tender terhad.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *No. Originally KPM...*

Tuan Pengerusi: *I thought tender terbuka mula-mula you cakap.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *MoF hendakkan secara tender terbuka.*

Tuan Pengerusi: *Okey, all right.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Then, KPM suggested tujuh kontraktor...*

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Bahagian Audit Prestasi II, Sektor Audit Prestasi, Jabatan Audit Negara]: *Sepuluh.*

Tuan Pengerusi: *Sepuluh, sepuluh.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Sepuluh kontraktor yang telah diskrim oleh KPM untuk di-consider supaya diadakan tender terhad.*

Tuan Pengerusi: *Okey, sure.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Okey. At that point, ya, okey?*

Tuan Muslimin bin Yahaya: *Tertutup ya.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Sorry?*

Tuan Muslimin bin Yahaya: *Tender tertutup.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Terhad, terhad. The term is terhad.*

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: *Selective.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Selective ya. Ya, okey. Selepas proses tersebut, so di peringkat Lembaga Tender KPM telah memilih sebuah syarikatlah yang layak. There are two to be considered actually. They agreed to yang final yang sekarang ini di-offer lah. That was how it started. Jadi...*

Tuan Pengerusi: Siapa yang *make decision on the current* punya kontraktor? *Was it KPM or MoF side? I mean, I know it's a panel* ataupun lembaga lah.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Lembaga, lembaga.

Tuan Pengerusi: Mungkin dia ada lembaga.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Lembaga.

Tuan Pengerusi: *But on which ministry? Whether this is KPM kah ataupun MoF?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: KPM. Lembaga.

Tuan Pengerusi: KPM.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya.

Tuan Pengerusi: Oh, *tender board* KPM mencadangkan satu syarikat inilah yang *the present one to be chosen* ini?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Okey.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Soalan saya. Kita sudah ada lembaga yang dibentuk oleh KPM. Sejauh mana MoF boleh masuk campur lagi bila sudah ada lembaga yang telah dibentuk itu?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *I ingat the lembaga itu memang di peringkat kementerian untuk certain amount for tender* lah. Dalam kes ini, memang di peringkat KPM ada Lembaga Tender untuk menilai *submission of* daripada syarikat-syarikatlah. Dibenarkan. Okey. *So, they have come out with contractor* lah based on the criteria set tadi. So...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Haji...

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ini bermakna Lembaga Tender KPM mesti mendapat kelulusan daripada MoF sama ada hendak tender terhad atau tender terbuka?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Oleh sebab itu dia rujuk kepada MoF?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Yes.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *All right.*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Jadi keputusannya adalah MoF yang buat keputusan sama ada terbuka atau terhad?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Right.*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: So, arahan MoF adalah tender terhad tetapi dikembalikan kepada Lembaga Tender KPM.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Right.* Okey. So, selepas itu...

Tuan Pengerusi: *But,* tadi dinyatakan bahawa syarikat yang 10 itu lain daripada syarikat yang tujuh. *Totally different companies.* So, macam mana yang— *I am curious.* Yang ini saya hendak tahu. Macam mana yang dipilih ini? Ia daripada mana? Yang cadangan yang 10 kah ataupun cadangan yang tujuh?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tujuh, tujuh. *From the seven.*

Tuan Pengerusi: Maknanya daripada MoF lah?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Daripada MOF. Okey, *thank you.*

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC), Kementerian Kewangan]: Yang Berhormat...

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tujuh daripada MoF tetapi *decided* oleh Lembaga di bawah KPM. *All right?* Okey.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Tuan Pengerusi, cuma satu lagi. Sebab tadi Yang Berhormat Kuala Krau ada sebut MoF bagi ketetapan tender terhad. Tetapi adakah MoF punya kuasa untuk tetapkan pula siapa di kalangan tender terhad itu? Supaya kita tahu dia boleh tetapkan secara terbuka, secara terhad tetapi bukannya bila dipulangkan kembali kepada KPM bahawa ini tender terhad, KPM yang sepatutnya menguruskan soal itu?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, itu saya ingat boleh di...

Puan Azreen binti Awang: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, kalau— belakang, belakang.

Tuan Pengerusi: Siapa itu? MoF?

Puan Azreen binti Awang: Kalau ikutkan di slaid 8, tujuh syarikat yang dicadangkan kepada MoF itu, kalau ikut ayat itu, cadangan itu sepatutnya dari KPM kepada MoF lah, bukan MoF yang cadangkan.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *No, no. In this case it is not. It is from MoF. MoF to KPM. The original 10 was from KPM. But later when MoF approved for restricted tender itu, they came out with tujuh nama syarikat to be considered by the Lembaga at peringkat kementerianlah.*

Tuan Pengerusi: Ini yang 10 yang asal itu sudah tidak termasuklah, sudah tidak ada apalah?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tidak, tidak.

Tuan Pengerusi: Sudah tidak ada apalah yang itu.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Pengerusi, Tuan Haji, kalau kita *refer* kepada skrin yang dipaparkan, tengok 25 Oktober 2011, KPM memohon kepada MOF untuk laksana projek secara terhad. Bukannya MoF yang meminta KPM untuk mengadakan tender terhad tetapi KPM yang memohon.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Yes, betul, betul.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Jadi KPM yang memohon.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Betul.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Bukannya MoF.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Yes, betul. *That is what I was saying. I am saying that in the first instance, MoF sudah cadangkan tender terbuka.*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Yes.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Then, KPM came out with list of 10 syarikat for them to go for tender terhad. Then, MoF setuju dengan tender terhad tetapi mencadangkan tujuh nama syarikat yang lain selain daripada 10.*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Itu yang soalan daripada Yang Berhormat Johor Bahru tadi.

Tuan Wong Kah Woh: Ini *clear*.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Adakah MoF mempunyai kuasa atau berhak untuk menentukan tujuh cadangan syarikat?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Itu saya rasa soalan itu perlu di-*pose* dengan MoF lah.

Tuan Pengerusi: Nanti, nanti.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Because not for Audit to answer. But we know what will be the inilah. Dari segi itu...*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Dia tidak salah, Tuan Pengerusi, kalau dalam pengetahuan Tuan Haji. Kalau tidak ada pengetahuan, tidak apalah.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *No. I mean decision itu MoF have to reply. But to us, it is an audit issue. Why is it MoF impose tujuh syarikat selain daripada yang 10 lah ya. Okey, so itu merupakan isu pertama dalam pelantikan kontraktor itu ya, menunjukkan ada sort of, to us, anomaly lah dari segi pelantikan. All right.*

■1130

So, ringkasan penemuan audit utama, kita perhatikan satu tadi, pelantikan. Kedua, projek ini telah mendapat— *I mean, at the end of the period plus EOT of 200 over days*, telah gagal mencapai kemajuan yang sepatutnya. *At the end of the period*, hanya tercapai *is 40 percent over, 49 percent*. Sepatutnya sudah *100 percent*. Di peringkat itu, KPM telah membuat penamatan kontrak, dilakukan penamatan kontrak kepada kontraktor dan seterusnya ada cadangan untuk kontraktor penyiap.

KPM pun pada masa itu mencadangkan agar berdasarkan *listing* daripada KKR di mana kalau berlaku projek sedemikian, KKR akan mencadangkan kontraktor penyiap *based on certain criteria*. Kriteria yang ditetapkan *under* pekeliling. Selepas itu, MoF pula membuat *decision* supaya kontrak ini diteruskan oleh kontraktor yang telah gagal pada fasa pertama itu. *On ground*, dia ada lah alasan. Dia katakan kemungkinan...

Tuan Pengerusi: Siapa yang beri arahan? MoF?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: MoF.

Tuan Pengerusi: MoF suruh lantik syarikat yang sama?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya. *There was a long— between KPM dengan MoF itu, I think three years plus ya, the period for them, you know, on this issue whether to reappoint or not where KPM was opposing the idea of reappointing* kontraktor yang lepas. *So finally*, diputuskan bahawa kontraktor yang gagal itu *di-continue*. *So*, itu dia punya status.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Soalan saya. Adakah ini istilahnya meneruskan semula ataupun melantik semula? Sebab ia dua yang berbeza. Kalau melantik semula, ia ada lagi proses dan kemudian lantik semula. Sekarang ini yang mana satu ya?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya. Penamatan telah dibuat. *This one is a* pelantikan semula dengan *agreement* yang baharu untuk penyiap.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Pelantikan semulalah?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Yes.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Bukan minta meneruskan?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *No, no*.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Lantikan semula.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Yes, yes*.

Tuan Pengerusi: Maknanya melalui *the whole process all over again* lah?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Projek sakitlah.

Tuan Pengerusi: Ya tetapi kontraktor yang sama.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Kontraktor yang sama.

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Haji.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi yang itu *considered as direct negotiation* ya?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Sebab dia ambil yang baharu, dia tidak ada lagi terhad, tidak ada apa sudah.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi, hendak minta penjelasan daripada Tuan Haji ya. Daripada pengalaman pihak Audit, berapa kerap situasi ini berlaku yang mana kontraktor untuk menyiapkan projek itu dilantik semula daripada mereka yang dapat kontrak itu, mereka yang telah gagal menjalankan kontrak itu?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *You mean...*

Tuan Wong Kah Woh: *So from your experience, have you encountered all these situations or not?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Ada, depending on keadaanlah. Ada yang memerlukan pelantikan semula disebabkan when you terminate kontrak yang telah mencapai satu tahap itu, the mobilization cost of getting in a new contractor, then the valuation of in situ punya construction dan sebagainya, it takes time. Then, sometimes after considering all these factors, JKR might recommend that the existing contractor to continue. They have done— I presumed they have done the cost analysis...*

Tuan Wong Kah Woh: *So memang ada precedent sebelum itulah? Okey.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Ada precedent, ada precedent. Okey.*

Tuan Wong Kah Woh: *Thank you.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Ada precedent. So, itu kedudukan di peringkat perolehan tadi ya.*

Selepas kontraktor penyiap ini dilantik, kemajuan kerjanya sejak itu, kemajuan projek pada 31 Disember 2018 hanyalah 4.5 peratus berbanding 36 peratus mengikut jadual pelaksanaan dan kelewatan lebih 200 hari. Kontrak ditamatkan pada 17 April 2019. Bayaran interim dan sebagainya belum dibayar disebabkan *the termination of this contract involved cost* iaitu RM5.05 juta dan itu perlu diselaraskan di pihak KPM.

Tuan Pengerusi: Tuan Haji, saya hendak tanya, mungkin saya tidak berapa arif sangat mengenai perkara inilah. Apabila sesebuah syarikat itu, macam ini sudah ditamatkan, bukankah ia sepatutnya disenaraihitamkan? So, satu persoalan. Selepas itu bila disenaraihitamkan, tidak sepatutnya— ini kitalah. Saya ini tidak berapa arif sangat. Jadi, itu yang saya hendak tanya.

Kalau sudah disenaraihitamkan, macam mana nama dia boleh terlepas daripada senarai hitam tersebut? Ada atau tidak masa buat siasatan itu kah atau apa kah boleh jumpa? *I mean* sebelum kita tanya dengan...

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Itu maksudnya semasa dilantik sebagai penyiap ini, bukan? *So, I think the* tindakan itu pun tidak sempat pun diambil dalam tempoh itu. *I mean that action should be by maybe MoF* to cadangkan disenaraihitamkan kontraktor tetapi itu tidak berlakulah.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Tuan Haji, maksudnya tarikh kontrak ditamatkan pada 14 November 2014. Kontrak baru yang dilantik itu tahun bila? Bulan berapa?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tahun 2018, pada 11 Januari 2018. *All right.* *So,* itu berkenaan dengan pelantikan dan pelantikan semula penyiap.

Isu yang terakhir adalah mengenai spesifikasi dan kualiti. *I think from the photograph* yang ada dalam slaid ini *will show you the quality and also* pematuhan kepada prestasi kerja kontrak ini. Ada gambar? *[Bertanya kepada pegawai]* Slaid 10, ada gambarnya? Ada gambar tetapi ada dalam slaid atau tidak?

Tuan Pengerusi: Ya, saya nampak yang tangga itu. Itu dalam buku Laporan Audit itu, bukan?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, ya. Yang *overall* ada atau tidak? Yang *overall* bangunan itu dengan cerucuk. Yang tadi. *[Bertanya kepada pegawai]*

Tuan Pengerusi: Ini sudah berapa tahun dah? Tujuh tahunkah macam ini?

Seorang Ahli: Hampir.

Tuan Pengerusi: Hampir tujuh tahun lah ya?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya. *So, those are the three main issues.* Tuan Pengerusi, yang saya rasa yang perlu ditekankan. *Obviously from this project,* ada beberapa kelemahan nyata. Satu, saya ingat pemantauan di peringkat KPM, seolah-olah projek ini dilepaskan kepada konsultan, perunding *and then SO* dalam fasa pertama itu, kita tidak lihat ada penurunan kuasa ataupun wakil untuk *represent* dia semasa projek *progress meeting, site meeting* dan sebagainya. Sebab dalam kehadiran yang kami perhatikan, kebanyakannya dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Pendidikan Negeri.

Dalam fasa seterusnya, dalam fasa penyiap, kita perhatikan juga bahawa SO itu telah ditetapkan kepada Setiausaha Pembangunan. Pun berlaku sedemikian, saya ingat kekerapan dan sebagainya, isu-isu yang timbul dalam *meeting* itu nampak macam tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Okey, itu kelemahan utama yang kita perhatikan.

Kedua, adalah *the consultant*. *The consultant* pun tidak memainkan peranan yang sepatutnya di mana kerja-kerja ini, *they should be on-site, giving a close eye on the project implementation*. Kita rasakan juga kegagalan di pihak konsultan dan *of course...*

Tuan Pengerusi: Konsultan ini— terangkan sedikit fasal konsultan ini.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Konsultan, *the background*. Mungkin ini...

Tuan Pengerusi: Sebab tadi tidak ada cakap fasal konsultan. Tadi kita cakap fasal kontraktor.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Conventional project*, Tuan Pengerusi, *the government has to appoint the consultant*. *The appointment of the consultant to pantau projek and to ensure that the implementation is according to what has been planned for in terms of timeline, in terms of spesifikasi dan kualiti*. Semasa semakan kita *on-site, obviously* kita tengok *the construction did not meet the specification* dan reka bentuk dalam kontrak. So, itu menunjukkan inilah pihak konsultan *on their part*.

■1140

Tuan Pengerusi: Macam Jabatan Audit, ada panggil atau tidak konsultan? Tanya atau tidak dengan konsultan?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, masa...

Tuan Pengerusi: Apa jawapan dia?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Apa jawapan dia? *[Ketawa]* Konsultan ini, *you know, they will give you all sorts of excuses* lah. *I think they are having conflict with the contractor. That is the main reason* lah. Itu masalah sebenarnya. *Between consultant and contractor* ini. Okey.

So, dari segi spesifikasi ini, *through photos* tadi sudah ditunjukkan. Saya rasa ini pun perlu ditekankan kepada pihak KPM lah, *the role of KPM as SO and then dia oversight on the consultant* punya *report* dan sebagainya ya.

Okey, saya ingat itu secara sepintas lalu, Tuan Pengerusi, mengenai Laporan Audit Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya hendak tanya. Isu yang *simple* dan mudah difahami seperti ini sudah dibawa ke SPRM untuk siasatan dan tindakan pendakwaan dan sebagainya?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: So, *in normal audit* punya ini, sebelum pembentangan, kita sudah ada *engagement* melalui Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara melibatkan SPRM, polis, JPA, agensi-agensi yang berkaitan, AGC dan sebagainya. Isu ini telah dibangkitkan dan kita telah

memanggil daripada KSU sendiri untuk memberi penerangan dan sebagainya dan keputusan daripada JTLKAN tersebut, perkara ini diambil oleh pihak SPRM untuk siasatan lanjut. *But the status as today, we have not get the status from SPRM.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Sebelum KPM masuk, boleh tanya SPRM punya komen atau tidak *the status* penyiasatan dan sebagainya kah?

Datuk Abd. Aziz bin Aban [Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan menyemak di pejabat tentang statusnya lah.

Tuan Pengerusi: *Please* minta sekarang.

Datuk Abd. Aziz bin Aban: Ya, okey, *insya-Allah.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Subang]: Encik Khalid, *just—* maknanya projek ini, *what is the actual status of the project? Stopped already* lah? *Completely stopped* lah?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, *right.*

Tuan Wong Chen: *So, do you think we should proceed with a new contractor or what should we do? Or just abandon the project? [Ketawa] I mean simple question* lah. Betul atau tidak? *Was it really necessary* atau tidak projek ini sebenarnya?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *The first place when we looked at the justification for this project— but I cannot discuss details here but I can tell you at that point of time when they make the decision to have this project on, it was not based on feasibility studies. It is more— you know, requested from somewhere and then after the decision had been made, then they started to work out how to justify the project. That is the* inilah, Yang Berhormat.

So, on site, Yang Berhormat, now we look at it how much money had been poured in setakat ini, that we had spent over— what? RM13 million plus the other consultancy— RM20 million. After seven, eight years pun you can't see the light at the end of the tunnel macam itu and then— itu kita rasakan keperluan justifikasi itu, *our comment is that. It is more, you know— wahyu from somewhere to do this project. Itu sahaja.*

Tuan Wong Chen: *So, what should we do? What is the next step? Cancel* kah jalan? *I mean...*

Tuan Pengerusi: Ya. *We are just wondering.* Saya pun setuju juga. *If for example if they decide to pursue with that, how much more do we need to finish this project? That is one. Because, I mean, taking into account how much we had spent...*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Soalan berkaitan.

Tuan Pengerusi: Yes.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *RM20 million yang kita sudah bayar itu, payment dia by progress project ataupun macam mana? Ikut prosedur atau tidak?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Ya, that one, payment-wise, it is okay. Because Fasa 1 itu, as I have mentioned, they have achieved 49 percent physical punya progress. Therefore, the payments are in accordance with the progress punya inilah. So, paid...*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Fasa 2?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Fasa 2, there was not much progress. There was only 4.5 percent. No payment.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Ya lah, tapi...*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *No payment.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *No payment?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *No payment.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Dia punya progress 4.5 percent?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Ya. They have requested for RM300,000 over for some work but it is not paid by KPM due to cost termination tadi involving RM5.05 million. They might have to selaraskan itu, you know, other than security bond dengan this payment, bukan? So, they withhold that for that purpose lah. So, itu kedudukannya.*

So, your question tadi, Yang Berhormat, to proceed or not to proceed, I ingat since now justification sudah ada, they said for the northern states to produce more students yang ada atlet dan sebagainya and the way they have put up justification itu sudah nampak we can achieve it—but the only thing is whether KPM ataupun the government is able to provide that amount of money to finish off. Kalau ikut costing asal, it is RM76.6 million. So, now I am not too sure whether—you know, the escalation of course sudah banyak saya rasa, bukan? And are we ready to spend maybe RM80 or RM90 million more lah to get that really up and running lah.

Tuan Wong Chen: *So, my question is like this. Katakan in the original plan hendak buat lima bangunan. Dia sudah start kerja tiga bangunan. So maybe we should just complete the three bangunan and forget the other two.*

Seorang Ahli: *Reduced scale.*

Tuan Wong Chen: *Ya, reduced scale. So, is there—I am not sure whether you have done enough to make some sort of professional judgment lah on the issue.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *At this point of time, melihat kepada the fizikal bangunan itu— because Fasa 1 tadi banyak melibatkan pembangunan bangunan. Therefore, lots of piling work dan apa itu sudah on site. Kalau I think we reduce the scope, maybe*

on the sports punya— *the type of sports* yang patut di-*provide* oleh ini, bukan? *In terms of* bangunan itu, sebab *the foundation is already there*. So, itulah keadaannya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya ada satu...

Tuan Pengerusi: *Okay, this is the last question.*

Dr. Maziah Che Yusoff [Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi]: Tuan Pengerusi, boleh saya menambah?

Tuan Pengerusi: Bagi Yang Berhormat Jasin dahulu, *then after that I will give it to you.* Daripada mana itu?

Dr. Maziah Che Yusoff: Daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Antara KPM dan MOF ini, nampak tak serius lah. Sebab apa, kalau kita tengok perundingan dibuat, bermula pada 17 Jun 2011 untuk mendapatkan keputusan, padahal pada ketika tersebut, MoF kata *open tender*. Akan tetapi balik semula kepada KPM, dia kata hendak tender terhad. Lepas itu bila minta pula permohonan daripada MoF untuk kelulusan, MoF pulang balik, hantar tujuh nama yang lain. Akhirnya, projek dimulakan pada 26 Jun 2013. Dua tahun, tahu? Itu di situ sahaja. *We are not serious on that.*

Selepas itu nanti saya hendak bertanya, selepas kita dapati projek ini lewat dan ditamatkan, ada LAD atau tidak?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tak ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *This is important. Because LAD is something that is imposed on the contractors who failed to complete the job. So, LAD ini is to compensate the losses.* Kita hendak tengok itu LAD ada atau tidak. Selepas itu, bagaimanakah dia dilantik semula?

Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria [Pengarah Bahagian Susulan Audit, Sektor Audit Prestasi, Jabatan Audit Negara]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Berkaitan dengan projek ini, LAD tidak ada lah sebab dia tamat, *terminate*. LAD dikenakan sekiranya dia melampaui tempoh kontrak, diberi EOT dan sebagainya tetapi lewat. Itu LAD. Ini ditamatkan. Maksudnya LAD tidak dikenakanlah. Cuma itu yang kos penamatan tadi, RM5 juta lebih itu tadi. Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Menamatkan suatu-suatu kontraktor, ada dia punya peringkat dia. Yang pertama amaran, yang kedua denda. Denda, LAD. LAD itu untuk apa? LAD itu untuk *to compensate the losses*.

Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria: Dia notis apa semua berjalan. Proses penamatan berjalan mengikut kontrak lah. Yang LAD, dikenakan sekiranya kontraktor akan menyiapkan kerja di luar tempoh kontrak tadi. Ini ditamatkan. Dia tidak berjalan, maksudnya tidak berjalan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria: Sudah dikenakan. Dia dalam EOT. Semasa dia proses itu, dia di dalam EOT. Diberi notis dan sebagainya. Kemudian tidak *perform* juga, akhirnya diambil tindakan penamatan. Itu. Tidak sempat LAD lah. LAD ini biasa dia akan terus dan projek jalanlah.

■1150

Tuan Wong Chen: Patut *defect* lah.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya cuba hendak faham. Kalau kata ditamatkan, bererti untung kontraktorlah kan?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria: RM5 juta kos penamatan dan sebagainya lah.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Kos penamatan.

Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria: Dia akan kira baliklah.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Kena ini?

Tuan Wong Chen: Ia *performance bond*.

Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria: Ya. Itu dirampas tetapi masih adalah kan?

Tuan Wong Hon Wai: Boleh saya tanya, Tuan Pengerusi? Saya pernah terlibat dengan *the decision-making* untuk penamatan pelantikan ini semua. Saya ada satu *impression* bahawa terma-terma kontrak untuk projek-projek JKR ataupun projek kerajaan selalu memihak kepada kontraktor. Kerajaan selalu rugi kalau ada dalam kes-kes penamatan.

Kalau dalam *private sector*, kes penamatan ia ada, *you know*, ada *protection clause* yang melindungi pihak swasta. Akan tetapi, pihak kerajaan selalu rugi. Apabila ada kes penamatan, ia punya terma kontrak JKR tidak begitu adil kepada kerajaan. Ia lebih memihak kepada kontraktor. Apabila tamat, kontraktor akan boleh kira balik semua keuntungan, boleh kira balik dia punya bahan, *you know*. Walaupun *performance* dia buruk tetapi dia boleh *claim*. Dia boleh *claim*, dia boleh membuat tuntutan yang banyak. Kemudian, *the government* pula kena bayar balik semua ini. Itu maklumat yang saya terima. Boleh tidak Audit komen sikit?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya. *On this issue, to say generally government contract* dalam bentuk sedemikian, *I think it is a bit extreme* lah, *you know*. *This is because most of this contract documents have gone through the screening of a lot of parties including our AGC, you know. They have gone through and they have balanced up the— not to side on any party* lah.

However, of course I agree with you, certain contract— kita pun sudah highlight dalam last series— yang memang ada biasness yang sedemikian. Macam contoh, kita lihat contract Ministry of Transport yang kita buat baru-baru ini. Vehicle punya apa ini, VEP dengan VC itu. Memang obvious. Dalam kontrak itu ada kelemahan sedemikian.

Akan tetapi, apabila kita kaji semula *why did it happen, you know?* Kita selidiki, kemungkinan pihak legal telah pun memberikan komen yang sewajarnya *but the final contract was not— they didn't take up those, you know, the* teguran-teguran oleh pihak legal. *Then, satu lagi dalam kes KPM ini, the peculiarity* dia dari kes solar yang— *sorry, solar boleh bincang kah? [Bertanya kepada pegawai]* Dalam contoh...

Tuan Pengerusi: Boleh bincang *a quick one*. Sudah dekat satu jam KSU dekat luar itu.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Okey. Kontrak ini diserahkan— selepas *decision made between* KPM dengan *the lawyer of contractor*, diserahkan kepada kontraktor menyediakan kontrak.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail: *Binding, binding.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Kita sudah jumpa pun di mana dia pinda *certain* klausa kontrak, *you know*. Boleh berlaku, Yang Berhormat. *So, general* punya *statement* kata semua, tidak *fair* lah kan? *But*, ada isu-isu tersebut timbul. *Obviously*, tadi sudah kita sebut, 1Bestari, solar punya ini *and then this one*. Ada timbul.

Tuan Wong Chen: *Drafted by private sector* lah.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Not to say they draft* lah, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen: *They are drawing* lah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Because the final one for signing* itu, dia *prepared*.

Tuan Wong Chen: Ya lah.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Dia *bind*, dia *prepare*, dia tukarkan...

Tuan Wong Chen: Tukar lagi?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *By then I think our legal people assumed* benda itu sudah mengikut keputusan, kan?

Tuan Pengerusi: Ya. Ya.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Dia *sign* or apabila Audit *highlight*, baru dia terkejut. Dia kata lain.

Tuan Wong Chen: Tidak ada. Biasanya kita, *lawyer, we track each other when you do amendment*. Ini maknanya dia tipu teruslah.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya.

Tuan Wong Chen: *[Ketawa]*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Okey. Tuan Haji Khalid Khan, terima kasih.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *All right. Thank you.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih banyak-banyak di atas...

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi: Tuan Pengerusi, *sorry*, Tuan Pengerusi. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi satu komen.

Tuan Pengerusi: *Okay, a quick one please.*

Dr. Maziah Che Yusoff: Tuan Pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat. Projek ini telah *pun* dibincangkan dalam Jawatankuasa Tindakan Negara pada 26 September yang lalu. Berbalik kepada soalan sama ada perlu atau tidak kita meneruskan projek ini, ia masih dalam penelitian. Tetapi kebiasaannya demi menjaga imej dan reputasi kerajaan, disebabkan projek bermula, kebiasaannya kita akan teruskan dengan penyediaan tetapi mesti daripada kontraktor yang bertaraf empat atau lima dalam senarai CIDB.

Untuk projek ini, telah pun diteliti iaitu kos untuk penyediaan adalah antara dalam RM39 juta. Akan tetapi, belum ada sebarang kelulusan. Dalam penelitian sahaja.

Tuan Pengerusi: Maknanya, RM39 juta? Naik lagi *as compared to the previous one* kan?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tidak apalah. Itu biarlah kerajaan...

Dr. Maziah Che Yusoff: Tambahan. Tambahan kos.

Tuan Pengerusi: Tambah kos RM39 juta?

Dr. Maziah Che Yusoff: Tambahan kepada kos-kos keseluruhan. *RM3.9 million.*

Tuan Pengerusi: *Oh, RM3.9 million? Okay. RM3.9 million.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *This is where LAD is important, you know?*

Tuan Pengerusi: *Okay.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *As I stated, LAD is important.*

Tuan Pengerusi: Ya lah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini tidak LAD punya *factor* langsung.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih banyak Yang Berhormat Jasin. Terima kasih banyak.

■1200

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera semua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' sekali lagi. *[Disampuk]* Jumpa lagi Yang Berbahagia Dato'.

Jadinya, Yang Berhormat sekalian dan semua pegawai, hadir di hadapan PAC Parlimen hari ini adalah Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas selaku Ketua Setiausaha KPM, Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin selaku Timbalan KSU Pembangunan, Encik Noor Azman bin Abdul Rahman selaku Setiausaha Bahagian Pembangunan KPM serta barisan pegawai kanan KPM. Terima kasih Yang Berbahagia Dato', terima kasih sekali lagi kerana sudi hadir dalam prosiding PAC Parlimen Bilangan 35 bagi tahun 2019. Kali ini ia adalah berhubung pengurusan projek Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis.

Seperti Yang Berbahagia Dato' Dr. sedia maklum, isu ini dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1. Sebentar tadi sahaja, Ahli-ahli PAC telah mendapat taklimat dan penjelasan daripada Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi). Juga dimaklumkan kepada kami adalah status terkini mengenai projek ini seperti dalam *AG Dashboard*.

Jadinya, tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Dato' Dr. untuk memulakan penjelasan mengenai isu pengurusan projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis. Dipersilakan Yang Berbahagia Dato'. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas [Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Ahli-ahli PAC yang hadir. Bersama saya hari ini, sepertimana disebut tadi, saya bawa rombongan yang besar yang relevan juga dengan projek ini. Cuma, untuk makluman Yang Berhormat, semua kita ini orang baharu. So, kita pun korek fail, baca. So setakat yang kita boleh baca, kita cuba respons nanti.

Saya nampak dari segi penemuan audit, ada beberapa aspek yang mana kita telah respons. Satu dianggap selesai dan beberapa lagi masih *work in progress*. Jadi, *work in progress* memanglah oleh sebab benda itu tidak boleh di-*close* sekarang, ditutup sekarang, kita kena *continuously do this management*.

Sebagaimana kita sedia maklum, projek pertama telah ditamatkan dengan sebab kegagalan kontraktor yang cuma *progress less than 50 percent*. Apabila kita hendak lantik kontraktor penyelamat, kita diminta untuk lantik kontraktor yang sama sekali lagi walaupun kita

membuat bantahan keraslah untuk melantik kontraktor yang sama. Akan tetapi bagaimanapun, kita diminta untuk lantik dan apabila kita telah lantik, sekali lagi...

Tuan Pengerusi: Mungkin Yang Berbahagia Dato' boleh sebut siapa yang meminta untuk KPM melantik kontraktor yang sama.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Kementerian Kewangan yang meminta kita melantik kontraktor yang sama. Apabila saya baca fail, *in fact* mantan KSU dahulu pada masa itu menulis surat kepada MoF menyatakan apa implikasinya sekiranya kita lantik kontraktor yang sama. Akan tetapi, *despite that*, kita diminta juga meneruskan melantik kontraktor yang sama. Jadi, kita berurusan dengan...

Tuan Wong Kah Woh: So, ada surat daripada mantan KSU?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ada, ada.

Tuan Wong Kah Woh: Boleh dapat satu *copy*?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Bolehlah, boleh.

Tuan Pengerusi: Saya minta supaya pihak Yang Berbahagia Dato' untuk bagi kepada sekretariat kami *copy of that letter*. *Thank you*.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Okey. *Then*, setelah kita berurusan dengan kontraktor yang sama bagi projek yang sama, jelas sekali mereka sebenarnya tidak mampu untuk melaksanakan projek. Sekali lagi, melalui proses-prosesnya, melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang sepatutnya kita ada, misal kata jawatankuasa melihat dari segi *progress*... *[Disampuk]* Tidak dengar? Okey. Sebab rasa macam serabut duduk depan mulut ini. *[Ketawa]* Kita tidak biasa baca khutbah ini, kita beri *lecture* sahaja. *So, by the way, sorry for that*.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Makna Yang Berbahagia Dato' tak biasa menyanyilah?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tak biasa. Bukan kaki karaokelah, dengan lain perkataan. Memang serabutlah duduk depan macam ini.

But anyway, jadi melalui proses-proses penilaian, mesyuarat tapak bulanan, ada jawatankuasa penilai menasihati kontraktor dan kita beri surat amaran juga, akhirnya kita terpaksa tamatkan sekali lagi.

Now, kita dalam proses untuk tender semula. Tender semula, kita akan buat konsep *pre-Q* (pra kelayakan) kerana kita sudah serik dengan kita macam pilih yang antah-berantah. *But anyway*, bukan juga antah-berantah. Dahulu dibuat secara tender terhad. Yang dahulu itu secara tender terhad. *But* kali ini kita hendak buat *pre-Q* atas nasihat ICU *for example*, supaya kita pilih, yang pertama, kontraktor yang di bawah CIDB ada bintang empat dengan lima. Itu satu. Kedua, di bawah senarai— kita kena *match* dengan...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Minta maaf. Sebelum pergi jauh sangat. Tadi sebut fasal menamatkan kontraktor penyiap, bukan? Sejauh mana ikut prosedur pula yang penamatan itu? Supaya tidak pergi jauh sangat nanti.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Okey. Prosedur yang pertama, kita kena tengok *progress* bulanan. *Progress* bulanan itu berlaku melalui mesyuarat tapak dan laporan bulanan. Mesyuarat tapak itu ada wakil KPM di dalamnya termasuk wakil-wakil lain, teknikal semuanya. Itu pertama. Kedua, kita kena buat teguran-teguran. Teguran pun sudah ada. Ketiga, akhirnya, mengikut garis panduan, sekiranya projek itu *20 percent miss* daripada *target*, kita wajib masuk mesyuarat CCP. CCP itu mesyuarat yang menentukan sama ada bagaimana kita hendak *address* projek ini. Jadi, mesyuarat itu memutuskan untuk kita tamatkan. So, dengan amaran-amaran yang kita buat, akhirnya kita tamatkan. Itulah prosesnya. Kalau...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berbahagia Dato' sebut diminta oleh MoF untuk memberikan award kepada syarikat yang sama. Ada tidak secara bertulis justifikasi daripada MoF?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya, ada. Semua ada. Kita sudah beri kepada Audit pun.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Daripada MoF mengatakan bahawa perlu dilantik semula syarikat yang sama?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Dia tidak bagi justifikasi. Dia bagi lantik sama sahaja, arahan sahaja. Dia tidak bagi sebab. Walaupun kita tanya, dia tidak bagi sebab. Kita berkajang tulis itu kenapa...

Tuan Pengerusi: Yang Berbahagia Dato', susulan daripada...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Bermakna surat cinta tidak terbalaslah ini.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Dia balas juga, tetapi...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tidak berapa ya?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Cara...

Tuan Pengerusi: Yang Berbahagia Dato', susulan daripada tadi soalan Yang Berhormat Kuala Krau. Apabila ada lantikan untuk lantikan yang pertama itulah— maknanya yang pertama, lepas itu bila sudah ditamatkan, lantik semula syarikat yang sama dan dia pun tidak *perform*. Dalam waktu itu, ada tidak KPM menyatakan ataupun menyuarakan apakah yang terjadi ataupun status terhadap syarikat ini kepada Kementerian Kewangan? Sebab, Kementerian Kewangan yang buat lantikan, bukan? Adakah Kementerian Kewangan juga di dalam jawatankuasa yang memantau projek ini? Sebab tadi Yang Berbahagia Dato' kata KPM ada dalam pemantauan.

■1210

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Pemantauan, KPM. Wakil MoF tidak ada.

Tuan Pengerusi: MoF tidak ada? Memang tidak ada daripada MoF?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tidak ada. Tidak ada, untuk pemantauan.

Tuan Pengerusi: Ya lah. Bila...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Cumanya, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Minta maaf, Dato'. Bila syarikat ini tidak *perform* dan ia dicadangkan oleh MoF, jadi tidakkah KPM selepas itu ada menyatakan ataupun menyuarakanlah ketidakpuasan hati terhadap MoF dalam apa juga cara, surat kah ataupun dalam *meeting* kah? Ada tidak?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Itu surat itulah, Tuan Pengerusi, yang saya sebut tadi.

Tuan Pengerusi: Yang surat yang berkajang-kajang itu?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya, itulah.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya hendak tengok tentang kuasa penjawat awam dalam kes ini. Okey, Kementerian Kewangan mengarahkan dan Kementerian Pendidikan telah memberikan hujah bahawa tidak boleh lantik lagi. So, yang akan memutuskannya siapa sebenarnya yang ada kuasa?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Kementerian Kewangan.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Ya?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Kementerian Kewangan.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Kementerian Kewangan sendiri.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: So, *you all* tidak ada peluang untuk *report* kepada selain daripada Kementerian Kewangan supaya tidak berlaku benda yang merugikan negara seperti ini?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Kementerian Kewangan yang membuat keputusan dan kita bantah keputusan itu tetapi itulah keputusannya.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tidak ada kuasa lain lagi selain daripada Kementerian Kewangan?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tidak ada kuasa lain. Tidak ada kuasa lain.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: KSN kah ataupun...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tidak ada. [Ketawa]

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ia di bawah Akta Tatacara Kewangan. Ada di bawah kuasa Menteri Kewangan. Mengenai perolehanlah. *So*, dia ada *final say*.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *So*, isu ini sampai ke meja Menteri?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Saya tidak pasti yang itu, sebab kita berurusan dengan *desk officer*.

Tuan Pengerusi: Okey, tadi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, ya, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau kita kata tidak boleh, tidak betul juga, fasal Kementerian Kewangan telah memutuskan pada 17 Jun 2011, dia memutuskan secara tender terbuka. Pertama ya. Selepas itu pada 25 Oktober, selepas empat bulan, KPM memohon untuk tender terhad, ya. Maknanya sekarang bukan sahaja dia tidak putus, kita yang tidak putus.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Macam mana sekali lagi?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Fasal dia sudah putus tender terbuka.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Okey.

Tuan Pengerusi: Mula-mula.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Empat bulan selepas itu, KPM pula memohon tender terhad, dia kata tidak boleh.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Untuk yang pertama ya? Untuk yang pertama.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ya. Maknanya masih lagi boleh. Bukan kata putus terus. Tetapi memang keputusannya apa-apa kalau kita hendak keputusan daripada MoF, kalau kita hendak buat tender terhad, baru kita minta keputusan daripada MoF, sepatutnya. Ini kerana pada 17 Jun 2011 dia sudah suruh buka *open tender*...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: ...Tetapi KPM pula minta tender terhad.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tender terhad, okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi MoF kata kalau— selepas itu pada bulan Februari 2012, empat bulan selepas itu, MoF luluskan pelaksanaan tender terhad, dia bagi tujuh nama lain. Betul? Ha, itulah dia.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Dia dulu kementerian boleh cadangkan sama ada hendak buat terbuka, terhad atau *direct negotiation*. Boleh cadang tetapi keputusan itu bergantung kepada MoF.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Fasal kementerian minta tender terhad, apakah sebabnya? Adakah ada *urgency* projek itu hendak dibuat serta-merta?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Dato', tadi kita diberi taklimat bahawa KPM yang meminta, Lembaga Tender yang meminta supaya kerja-kerja ini diberikan secara tender terhad. Lembaga Tender daripada KPM yang minta. Itu yang kita tanya kenapa minta secara tender terhad sedangkan peringkat asalnya MoF minta secara tender terbuka. Itu soalan daripada Yang Berhormat Jasin.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Mungkin ada sebabnya pada masa itu kenapa kementerian minta secara tender terhad. Ini yang pertama, fasa yang pertama, namun telah tidak dipersetujui oleh MOF, tidak dipersetujui. Kementerian mempunyai pilihan— terhad, *direct negotiation* ataupun terbuka. Adalah sebab tetapi dalam fail kita tidak jumpa apa sebabnya. Kita korek juga fail, apa sebab hendak minta tender terhad. Kalau kepada saya tender terbuka, tender terbukalah. *But anyway*, dalam fail kata minta tender terhad, bagaimanapun MoF tidak setuju. MoF buat juga tender terhad daripada senarai lain.

Tuan Pengerusi: Itulah, itu yang kami *concerned* itu. Sepuluh syarikat— tadi bila diberi taklimat, 10 syarikat yang telah diberikan, disenaraikan oleh KPM ketika itu hantar kepada MoF. Kemudian, MoF memberi cadangan lain tetapi tujuh syarikat yang tidak ada dalam senarai 10 itu pun.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tidak ada dalam senarai itu.

Tuan Pengerusi: Tidak ada *communication* yang menyatakan kenapa itu terjadi? Adakah tidak mungkin daripada KPM bertanya balik kepada Kewangan kenapa yang 10 itu tidak disenaraikan sebaliknya yang tujuh itu disenaraikan? Ada tidak *documentation*...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Dalam rekod tidak ada.

Tuan Pengerusi: Memang tidak ada langsung?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tidak ada. Kita korek-korek juga, tidak ada yang itu.

Tuan Pengerusi: Takkan daripada KPM pun tidak menyatakan ketidakpuasan hati itu? Ada tidak?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Rekod tidak ada.

Tuan Pengerusi: Oh, dalam rekod tidak ada.

Tuan Wong Kah Woh: Dato', susulan daripada soalan daripada Yang Berhormat Kuala Krau tadi, so masalah sekarang adalah apabila MoF kata dia hendak tender terbuka tetapi KPM cadangkan untuk tender terhad...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Dia bukan begini, Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh: So, tidak...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Yang Berhormat, sekejap ya.

Tuan Wong Kah Woh: Itu daripada Audit.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Semua projek patutnya tender terbuka.

Tuan Wong Kah Woh: Ya.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Kementerian mempunyai pilihan untuk mencadangkan kepada MoF sama ada terhad, terbuka ataupun *direct negotiation*.

Tuan Wong Kah Woh: So, pada masa itu dari rekod yang ada, KPM...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: KPM cadang supaya tender terhad kepada 10 syarikat.

Tuan Wong Kah Woh: Tender terhad. So, ada apa sebab yang boleh— *I mean*, sebab untuk cadangan tersebut tidak? Tidak jumpa?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Di antara sebab— kita tidak jumpa. Cuma kepada agakan saya lah— pegawai saya telah... Tetapi saya tidak *convinced* lah. Jadi, semuanya ini agakan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Dato', bahaya sebut agak-agak ini.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya, tidak payah agaklah.

Tuan Wong Kah Woh: So, tidak jumpa ya? So, siapa KSU pada ketika itu?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tan Sri Madinah.

Tuan Wong Kah Woh: Tan Sri Madinah? Oh, okey. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya.

Tuan Wong Chen: Tan Sri Madinah ini *Auditor General* dulu.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya, saya kenal.

Tuan Pengerusi: Okey. Tidak apa. Sebab tidak ada dalam *documentation* semua, tidak ada— dan itulah tadi ada juga pertanyaan yang saya pun— tadi Yang Berhormat daripada Subang ada bertanya mengenai— sebab selepas lapan tahun, ianya pun kalau kita tengok daripada Laporan Audit melalui gambar-gambar, lapan tahun jadi bangunan macam itu. Selepas itu ada juga dimaklumkan mengenai ada konsultan. Jadinya, apa peranan konsultan semasa proses daripada mula pembinaan sampai tidak siap-siap ini? Peranan konsultan. Tidakkah konsultan itu sepatutnya memantau, sama duduk tengok prestasi pembinaan projek itu? Kalau Dato' boleh terangkan mengenai perkara ini.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tepat sekalilah. Itulah peranan konsultan yang kita lantik sebagai ejen kita untuk mengawal selia perjalanan projek. Apa sahaja masalah, dia kena bawa kepada kita sekiranya berkaitan dengan kementerianlah. So, itu patutnya tugas konsultan. Berdasarkan rekod, nampak kementerian macam tidak ada isu dengan konsultan. Maknanya konsultan menjalankan tugasnya. Tinggal lagi, kontraktor yang bermasalah. Kontraktor tidak ada duit.

Tuan Pengerusi: Konsultan itu tidak tegurkah kontraktor itu? Ya Allah, saya tengok lapan tahun, macam mana sekolah pun tidak siap-siap.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya. Tuan Pengerusi, ada mesyuarat bulanan di tapak, memang konsultan yang *take charge* dari segi menegur pihak kontraktor. Akan tetapi pihak kontraktor ini merasakan— tidak tahulah... *[Disampuk]* Kebal.

Tuan Pengerusi: Lagi satu. Wakil daripada KPM dalam Mesyuarat Prestasi ini siapa? Maksudnya mesyuarat bulanan tadi dengan konsultan, dengan ini— mesyuarat tapaklah, tengok...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Selain daripada konsultan— konsultan memang wakil kementerianlah.

Tuan Pengerusi: Wakil daripada KPM.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Konsultan ini orang yang mengetahui.

Tuan Pengerusi: Selain daripada itu?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: *Otherwise* kita punya PPD ataupun JPN Negerilah.

Tuan Pengerusi: *Local* lah.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: *Local*.

Tuan Pengerusi: KPM tidak ada hantar wakil sendiri?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Mereka adalah ejen kitalah.

Tuan Pengerusi: Ejennya konsultan?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Konsultan. Itu tujuan melantik konsultan. PPD memang ada dalam mesyuarat.

Tuan Pengerusi: PPD memang ada dalam mesyuarat tersebut. PPD ada maklum balik mengenai prestasi sekolah itu, macam mana tidak siapkah apa? Ada tidak dia maklumkan dengan KPM.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Dua, Tuan Pengerusi. Satu, dalam minit mesyuarat tapak, dia sudah jelas apa teguran-tegurannya. Kedua, di kementerian, kita ada mesyuarat bulanan kemajuan pelaksanaan keseluruhan projek KPM. Itu dia akan kategorikan projek sakit, *they set aside* untuk bincang secara khusus. Memang ada.

Tuan Wong Chen: Tuan Pengerusi, ya Dato', terima kasih. *Let me— I think at this point it is very important for us to ask the MoF what is the guideline* untuk bagi tender kontrak, *open tender, close tender and negotiated tender. Is it based on— people from MoF ada? Ada betul tidak? [Disampuk] No, no, I know. But to clarify at what stage or what criteria to give an open tender, close tender or negotiated tender. Is it RM100 million mark? Is it RM10 million? What is it? MoF?*

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kabinet, Kementerian Kewangan]: Yang Berhormat, kalau untuk dia punya *levels* itu, saya kena rujuk balik pekeliing lah, Yang Berhormat. Akan tetapi pada masa ini, kalau kita tengok pada masa benda ini berlangsung, pada masa itu memang MoF boleh putuskan. Dan juga pada masa ini, perolehan kerja, perolehan untuk *services* dan juga produk boleh buat *direct negotiation*. Cuma, sekarang ini sahaja baru kita kuat kuasa *impose* lima sebab utama. Tetapi pada masa ini memang boleh dipertimbangkan.

■1220

Tuan Wong Chen: *No, no. I understand* tetapi sekarang ini kita tengok projek baru ataupun *try to rescue, savage the project*. Saya hendak tahu, *moving forward*, apakah kriteria untuk buat *open tender* ataupun *close tender, negotiate tender*? MoF, *if you can find out* dalam 20 minit kah, setengah jam, *you report back to us later*, boleh? *Thank you*.

Encik Azize bin Taib: Yang Berhormat, kalau dalam keadaan sekarang, kalau untuk rundingan terus, yang pertama sekali, perolehan tersebut mestilah dalam keperluan mendesak. Itu paling penting sekali.

Tuan Pengerusi: Okey, soalan saya. Ini mendesak atau tidak?

Encik Azize bin Taib: Yang Berhormat, kita tidak bolehlah hendak *relate* dengan projek itu pada masa diluluskan, Yang Berhormat.

Kedua, keperluan penyeragaman (*standardization*). Kemudian dia kena daripada satu punca bekalan atau perkhidmatan sahaja untuk produk yang kita hendak guna. Keempat, daripada segi isu keselamatan. Perolehan tersebut mesti ada kaitan dengan keselamatan negara yang kita memang hendak *go for* rundingan terus. Kelima, kontrak dengan syarikat pembuatan, *manufacture* Bumiputera yang memenuhi syarat-syarat kelayakan. So, itu lima sahaja sekarang kita pegang untuk *direct nego*.

Tuan Wong Chen: Maknanya tidak ada kuantum? Tidak ada kata kalau projek ini RM100 juta ke bawah boleh buat *nego*, RM100 juta ke atas tidak boleh? *You must establish seriously*.

Seorang Ahli: Wahyu, wahyu.

Tuan Wong Chen: *Some sort of policy on what can be negotiated and what cannot be negotiated*.

Tuan Pengerusi: Yang sebelum ini dia terhad. Betul atau tidak? Sebelum ini proses dia adalah terhad walaupun cadangan awal mula-mula adalah *open tender*. *But you are talking about the present...*

Tuan Wong Chen: *I am talking about the present policy* sebab Dato' *has the job to try to revise this project*.

Tuan Pengerusi: Ya, untuk *revise the project*.

Tuan Wong Chen: *I* takut nanti *you get the same* arahan pula.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: *No*. Untuk *revise* projek, memang kita akan *open tender*. *There is no question about it*.

Tuan Pengerusi: *So, this is confirmed that it is going to be an open tender?*

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: *Open tender*. *But in doing open tender*, kita akan buat *pre-Q*. *Pre-Q*, *meaning* kita akan *set the criteria*.

Tuan Wong Chen: Itu saya faham. Tadi Dato' kata— saya dengar itu Dato' hendak ikut ICU punya *guideline*. Betul atau tidak? *I think in your early testimony*.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: ICU kata kita buat *pre-Q*. Bukan ICU punya *guideline*. Itu satu nasihat yang bagus sebenarnya.

Tuan Wong Chen: Memang betul-tetapi adakah Dato' akan terima juga *guideline* daripada MoF?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Sewajarnya kita kena pakai MoF. *It is a must. It is a must*. Cuma, kita tambah baik *here and there* di mana yang boleh. *So, pre-Q* dibenarkan.

Tuan Pengerusi: *So*, syarikat yang ini dua kali ini, disenaraihitamkan atau tidak? Daripada tadi saya tanya. Dengan Audit pun saya tanya. Mula-mula sudah tahu tidak betul, tidak senarai hitam, lantik lagi. Saya yang tidak faham *business* pun saya tengok, *lailahailallah*, macam mana benda ini boleh terjadi? Adakah syarikat ini masih ada lagi dalam senarai dan apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian terhadap syarikat ini?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Untuk projek-projek KPM, maknanya tidak ada lagi harapan syarikat ini untuk masuklah. *That one is confirmed*. Proses seterusnya, kita akan minta JKR juga senarai hitamkan merekalah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi belum lagi...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Belum lagi.

Tuan Pengerusi: Belum lagi dibuat. Saya rasa elok juga kalau dimaklumkan kepada yang lain *because it cost public money* dan jumlahnya bukan dalam jumlah yang sedikit.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Betul.

Tuan Pengerusi: *Then now*, mungkin Dato' pun boleh nyatakan juga *the cost* untuk menyelesaikan projek ini. *If you have the amount*, mungkin boleh maklumkan juga kepada kita berapa jumlah yang diperlukan. *Because* tadi bila Dato' maklumkan dengan *pre-Q* dan segala-galanya, bermaksud projek ini akan disambung dan diselesaikan. Jadinya bila diselesaikan, dia akan ada kosnya yang akan *incurred* daripada proses tersebut. Boleh atau tidak maklumkan

kepada kami berapa banyak atau berapa jumlah kos yang kalau sudah dibuat pengiraan, berapa jumlah kos yang akan *incurred* nanti hendak menyelesaikan projek ini?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: RM34 juta lagi.

Tuan Pengerusi: RM34 juta ini adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan daripada awal ataupun ada pengurangan?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Mengikut spesifikasi awal.

Tuan Pengerusi: Mengikut spesifikasi awal. Dalam spesifikasi awal tersebut, apa jenis sukan yang difokuskan di negeri Perlis? Kalau boleh dijawab oleh mana-mana pegawai.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Pengarah Sukan, silakan.

Encik Zainal bin Abas [Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan]: Yang Berhormat, sebanyak enam jenis sukan yang dicadangkan untuk dibangunkan pada ketika itu iaitu balapan dan padang (olahraga), memanah, sukan badminton, sepak takraw, hoki dan golf.

Tuan Pengerusi: Golf?

Encik Zainal bin Abas: Itu dalam Fasa 2.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Dalam Fasa 2. Dia pecah kepada Fasa 2. Fasa 1 tidak termasuk hoki dan golf.

Tuan Pengerusi: Boleh atau tidak kenalkan nama dan juga jawatan untuk tujuan *Hansard*?

Encik Zainal bin Abas: Saya Zainal Abas, Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian.

Tuan Pengerusi: Enam itu memang golf ini antara sukan yang difokuskan oleh kementerian ya?

Encik Zainal bin Abas: Golf merupakan salah satu sukan kita pertandingan pada setiap tahun di peringkat MSSM. So, dia ada program pembangunan golf di peringkat sekolah juga dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Berapa keluasan sekolah sukan ini?

Encik Zainal bin Abas: 26.71 hektar.

Tuan Pengerusi: Okey, 27 lah lebih kurang. Di mana? *Which part of Perlis?*

Encik Zainal bin Abas: Ia menghala ke...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Oh, di Padang Besar. Okey, terima kasih. Lain-lain soalan?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya, saya.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Saya hendak tanya kepada Dato' dalam soal kos. Tadi daripada segi kos kewangan, implikasi kewangan. Akan tetapi satu lagi yang dalam pemerhatian saya soal kos adalah daripada segi masa. Kalau dilihat daripada segi rentetan projek ini, kita lihat untuk pelantikan kontraktor fasa pertama mengambil 18 bulan sebelum mereka ditamatkan. Tengok pula bila dilantik sekali lagi sebagai kontraktor penyiap, dia makan masa 24 bulan sepatutnya tetapi ditamatkan lebih awal.

Cuma soalan saya, sebab kalau lihat antara penamatan kontrak yang pertama dengan kontrak penyelamat, ada tempoh hampir tiga tahun dua bulan. Maksudnya tiga tahun itu kita kerugian agak lamalah. Justifikasi yang diberikan melalui Laporan Ketua Audit mengatakan bahawa ini adalah proses rayuan dan sebagainya.

Cuma, saya hendak tahu, rayuan sampai tiga tahun itu, satu-satu isulah, macam mana boleh berlaku begitu lama? Kalau Dato' boleh bantu untuk kami memahami kenapa mengambil masa sehingga tiga tahun dua bulan sebelum projek ini disambung semula dan pada masa yang sama, jaminan daripada KPM untuk kita elakkan kos masa ini berulang lagi. Sebab, mungkin kalau ikut kos kontrak itu mungkin mengambil masa dua tahun lagi hendak siap tetapi kalau kena tunggu *another three years* sebelum dia sambung, saya rasa dengan kos kewangan akan meningkat dan kemudian mungkin daripada segi tujuan pelaksana dia punya justifikasi berubah, mungkin selepas itu tidak ada golf kah dan sebagainya— minta pandangan Dato'.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: *Let me answer the second part ya.* Bagaimana kita hendak pastikan perkara yang sama tidak berulang? Tidak berulang. Pertama, kita kena pilih kontraktor yang benar-benar layak dan berkemampuan. Untuk tujuan itu, kita akan buat apa yang kita panggil pra kelayakan.

Dua perkara yang mustahak dalam pra kelayakan. Pertama, kita akan pakai senarai CIDB syarikat yang lima dan empat bintang sahaja. Bukan semua syarikat. Kita ada ribuan syarikat tetapi lima dengan empat bintang yang Kelas A ataupun G kah apa yang dipanggil sekarang. *[Disampuk]* G7. Itu sahaja. G7 mestilah mempunyai empat dan lima bintang di bawah CIDB dan seterusnya mereka di bawah senarai JKR sebagai syarikat yang boleh kita lantik untuk tujuan penyelamat. Mereka ada rekod daripada segi penyelamat.

Of course, standard kontrak biasa ialah kita kena *check* juga kemampuan kewangan syarikat. Itu kita kena letak satu *weightage* yang besar nanti. Dan *of course* pengalaman syarikat. Maka dengan semua itu, kalau kita boleh dapat syarikat yang boleh mematuhi semua itu, jadi kita akan meminimumkan kemungkinan projek itu akan gagal.

Kenapa ambil masa begitu lama? Saya pun baca rekod juga kenapa. Macam-macam masalah. Bila ada mesyuarat di tapak, dia ada *judgment* di situ sama ada kita hendak beri ruang

atau tidak kepada kontraktor untuk *continue*. So, *judgment* itu *is a judgment call* pada masa itu, bergantung kepada penerangan yang dibuat oleh kontraktor. Ini kerana kontraktor dia janji bulan dan bintang *but* kita kena *give face* juga, kena tengok apa *progress*. Selain daripada itu, ada proses-proses rayuannya. Sehingga kita buat keputusan penamatan sepatutnya berlaku juga.

■1230

Akan tetapi kalau kita ikut kitablah, lewat 20 peratus, masuk komiti untuk ditamatkan. Lewat 20 peratus. Akan tetapi, ia tak semudah yang kita fikirkan. So, kita kena bagi *due diligence* juga kepada pihak kontraktor, apa hujah dia kerana ada hujah dia dari segi kelambatan bukan pihaknya, tetapi oleh sebab pihak-pihak lain. So, yang itu kita kena teliti sama ada oleh pihak lain itu wajar atau tidak untuk kita bagi ruang. Untuk projek ini, kita memberi *Extension of Time* (EOT) selama 108 hari, *if I am not mistaken*. So...

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman [Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan]: Selama 109 hari.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Selama 109 hari. Jadi kita ambil kira juga hujah dia kenapa dia lambat. Itu di antara perkiraan yang patut ada supaya adil kepada semua pihak.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Okey Dato', yang itu ketika dalam kontrak. Cuma yang ini, yang tadi saya sebut, 18 bulan dan sepatutnya 24 bulan. Akan tetapi antara dua kontrak ini, ada *gap* tiga tahun dua bulan. Menurut justifikasi yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara, ada enam rayuan yang dikemukakan kepada MoF. Jadi, untuk perincian supaya dalam rekod kita menunjukkan bahawa KPM telah mengambil— hendak tahu cerita proses daripada pihak KPM supaya menjadi ingatan kepada lantikan yang akan datang. Ini supaya tidak ada *gap* tiga tahun ini terbiar begitu sahaja. Saya tahu tadi buat *judgment* untuk bila hendak hentikan, 20 *percent* tak ada *progress* dan tertinggal, kita boleh tamatkan. Yang ini *in between* itu.

Sebab, kalau tidak dikekang, kerisauan kita kalau justifikasi— yang antara Ahli PAC bertanya tadi, adakah patut projek ini diteruskan ataupun tidak. Sebab, sudah hilang dia punya *justification to continue*. Akan tetapi yang ini, kalau boleh Dato' terangkan tempoh tiga tahun dua bulan antara kontrak pertama ditamatkan kepada lantikan baharu kontrak penyelamat tersebut.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tadi Yang Berhormat ada sebut ada rayuan. So, *ding-dong, ding-dong* ini main pingpong dengan MoF. So, itu yang jadi masa panjang itu.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Cuma tiga tahun Dato'.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya lah. Hendak buat macam mana. Fasal itu satu *delay* yang panjang.

Tuan Pengerusi: Okey, Dato'. Saya dimaklumkan bahawa dia ada satu komiti yang— *Cost and Technical Committee*. Selalunya ia mencadangkan nama-nama kepada Lembaga

Perolehan A, kalau projek itu berskala yang ditentukan bawah kategori A, bawah perolehan A. Selalunya ini yang menentukan syarikat-syarikat yang layak. Jadinya boleh tak Dato' terangkan ataupun maklumkan kepada kita siapa yang duduk dalam Lembaga Perolehan A ini, waktu ketika itu? Mungkin sama juga macam sekarang tapi waktu ketika itu. Kalau mungkin ikut jawatan kah, apa kah. Dalam Lembaga Perolehan ini, siapa yang duduk dalam itu? Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Lembaga Perolehan A biasanya di mana-mana kementerian adalah KSU. Akan tetapi boleh diturunkan kuasa kepada TKSU. Pada masa itu, saya percaya KSU sendiri yang *handle* Lembaga Perolehan A. Ahli-ahlinya standard. Wakil daripada MoF, wakil daripada JKR, paling minimum, yang digazet.

Tuan Pengerusi: Selalunya berapa? KSU? Selalunya KSU yang *chair*...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Selalunya KSU, ya.

Tuan Pengerusi: Ataupun mungkin dia boleh *delegate* atau turunkan kuasa kepada...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: TKSU.

Tuan Pengerusi: ...TKSU. Yang MoF adalah wajib.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Wajib.

Tuan Pengerusi: Wajib. JKR juga wajib dalam itu. Ada ahli-ahli lain tak? Ataupun ini sahaja?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Ini sahaja. Maknanya tiga lah, minimum.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Pembentang *paper* dengan urus setia.

Tuan Pengerusi: Pembentang *paper*...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Dan urus setia.

Tuan Pengerusi: ...Dengan urus setia. Bila syarikat dicadangkan melalui jawatankuasa ini, maknanya kos dan teknikal itu dia sudah menganalisa setiap syarikat yang dibentangkan ke dalam ini...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya, benar.

Tuan Pengerusi: ...Sebelum dicadangkan kepada MoF. Akan tetapi saya dimaklumkan sepatutnya syarikat yang— tadilah saya dimaklumkan oleh *even* daripada MoF dan juga daripada rakan-rakan saya daripada kementerian mengatakan bahawa kebiasaannya— ini mungkin kita pun tak tahu sebab Dato' pun *team* yang baharu dan sebagainya. Sepatutnya keputusan ini dibuat dan cadangan itu bukan MoF yang mencadangkan. Dimaklumkan bahawa sepatutnya kos dan teknikal ini dia tengok dimasukkan kepada Lembaga Perolehan A. Maknanya Lembaga Perolehan A ini *is in the know* mengenai syarikat tersebut. Apa respons Dato' mengenai perkara

ini? Walaupun ia berulang-ulang balik. *Because I really need to* tengok *the* proses adakah ia berlainan daripada yang kebiasaannya yang dibuat ataupun bagaimana.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Okey. Ini adalah tender terhad. Maknanya ada borang tender dikeluarkan. Kemudian, akan ada pihak yang buka tender. Itu satu pihak dilantik. Selepas buka tender, dia ada dua komiti— teknikal dengan harga— dan ahli-ahli komiti ini berbeza-beza, tidak boleh ahli yang sama. Mereka akan membuat penilaian teknikal, mereka akan buat penilaian harga dan urus setia, satu pihak yang lain juga akan mencampurkan markah itu. Berdasarkan pemarkahan itu, itu yang akan dibawa kepada Lembaga Perolehan.

Jadi dalam Lembaga Perolehan, dia akan tengok senarai yang disediakan oleh urus setia. Biasanya kita akan pilih mana yang terbaik kepada kerajaan. Terbaik tidak semestinya paling murah tetapi kadangkala orang main harga, dia letak rendah sampai kita rasa tidak munasabah. Sebab, kita ada *scheduled price*. Harga jabatan dan kita dibenarkan untuk atas *10 percent*, bawah *15 percent*, bergantung kepada *nature of the project*. Kalau tak silap saya. Betulkan saya. Jadi, *that range* kita benarkan. Makna lembaga benar buat keputusan *within that range*.

Dalam membuat keputusan, dia lihat beberapa perkara. Pertama, mungkin markah dia tinggi tapi dia tengok pula projek dalam tangan banyak atau tidak. Kalau sudah banyak sangat, *no point appointing them* lah. *Then*, dia pergi kepada yang nombor dua. *Something like that*. *Normally that will happen*. Jadi, kepada saya, proses itu sangat telus.

Soalan Tuan Pengerusi tadi, dia akan tahu apa nama syarikat. Biasanya, urus setia akan masuk mengikut kod. Kod ya, kod satu, kod dua. Jadi ia tidak benar dia tahu nama syarikat. Bila buat keputusan barulah— kita hendak buat SST, barulah kita tahu nama syarikat. Sepatutnya begitu.

Tuan Pengerusi: Masa projek ini diluluskan, ada atau tidak sini yang ada dekat kementerian? Semua *team* baharu ini? Daripada hujung sana sampai hujung sana semua. Memang semua *team* baharu lah ini?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Ya. *You declare* lah masing-masing. Saya rasa baharu. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya lah. Sebab saya hendak tahu, takut ada tetapi di jabatan lain ataupun...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Nampaknya tak ada yang angkat tangan itu, Tuan Pengerusi, maknanya baharulah itu.

Tuan Pengerusi: Memang tak ada. Tak nampak semua angkat tangan. Dato' bawa semua *team* baharu ini.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Hendak buat macam mana, yang lama saya sudah suraikan. *[Ketawa]* No. *I do not want to make them repeat the same mistake.*

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa soalan yang hendak diutarakan oleh Ahli-ahli PAC? Yang Berhormat Betong? Tak ada?

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Tak ada, *my pleasure. Many more to come actually.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Johor Bahru? Yang Berhormat Kluang? Yang Berhormat Kuala Krau? Banyak ketawa-ketawa ya. Ada apa-apa soalan?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Itu dia. Kena belanja makan saya kalau begitu.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Eh, betul. Yang Berhormat Hulu Langat? Yang Berhormat Subang? Yang Berhormat Jasin? Tak ada? Okey, terima kasih banyak saya ucapkan kepada Dato' yang tak serik-serik...

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: Akan jumpa lagi.

Tuan Pengerusi: Kita semua akan jumpa lagi, Dato'. *[Ketawa]* Ada lagi, Dato'. Okey, terima kasih banyak-banyak atas kerjasama pihak kementerian. *Assalamualaikum warahmatullah.* Jangan lupa ada *lunch*.

Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas: *Insyaa-Allah.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.39 tengah hari]